

Kesenian Islam

Keindahan Bandar Cordoba

Pada tahun 711M. bandar Qurṭubah (Cordoba) telah jatuh ke tangan panglima Islam, Tāriq ibn Ziyād,

dan semenjak itu bandar Cordoba termasuk dalam wilayah kerajaan Banī Umayyah, di bawah pemerintahan Khalifah al-Walīd ibn ‘Abd al-Malik yang berpusat di Damsyik. Mulai dari pemerintahan ‘Abd al-Rahmān al-Nāṣir, bandar Cordoba dijadikan ibu negeri kerajaan Banī Umayyah di Sepanyol.

Pada pertengahan kurun yang kesepuluh, negara Islam

Cordoba telah melahirkan pujangga, seniman

Sepanyol telah meningkat naik mencapai zaman keemasannya

dan ahli-ahli falsafah yang kebilangan, di antaranya ialah Ibn

masa itulah kejayaan Islam dan zaman gemilang bagi

Rushd, filsuf terkenal.

kerajaan Banī Umayyah di Andalus (Semenanjung Sepanyol).

Bangunan dan jalan-jalan raya dalam bandar itu

Pusat pemerintahannya terletak di Bandar Cordoba, sebuah

teratur dan sentiasa dijaga kebersihannya. Penuh

bandar besar yang teratur dengan indahnya.

dengan taman-taman bunga. Gedung-gedung perniagaannya mempunyai

Menurut C. Israr, dalam bukunya “Sejarah

perhubungan dengan luar negeri. Pendeknya, Cordoba pada

Kesenian Islam”, bahawa bandar itu mempunyai

masa itu merupakan suatu contoh dari bandar-bandar

penduduk dua juta orang. Yang demikian tidak pelik,

besar yang sopan dan terhindar dari keruntuhan

kerana Cordoba selain daripada menjadi pusat

akhlik dan budi, sebagaimana lazimnya bandar-bandar besar

pemerintahan Islam, juga menjadi pusat ilmu

di dunia dewasa ini.

pengetahuan. Di sana terdapat 27 buah perguruan tinggi

Kebesaran bandar Cordoba memuncak dalam zaman

Islam dan universiti yang menjadi pusat ilmu

pemerintahan ‘Abd al-Rahmān al-Nāṣir li dīn Allāh al-Umawī

pengetahuan, meliputi: Agama, falsafah, kesusasteraan dan

(300 – 350H), khalifah Islam dari Banī Umayyah

lain-lain. Terdapat pula beberapa perpustakaan –

yang masyhur.

kutub khanah – , di antaranya ada yang mempunyai buku

Nama Khalifah al-Nāṣir pada masa itu amat ditakuti

sebanyak 400,000 jilid.

dan disegani. Raja-raja Eropah tidak berani

amat banyak istana-istana yang didirikan masa itu.

mencari permusuhan bahkan sebaliknya mereka berusaha bersahabat dengan khalifah Islam itu. Pada tiap-tiap tahun datanglah utusan-utusan dari raja-raja Rom, Perancis, Russia dan lain-lainnya membawa berbagai-bagai jenis hadiah yang berharga, dipersembahkan kepada khalifah itu.


Dār al-Khilāfah atau istana-istana tempat persemayaman khalifah, merupakan suatu kumpulan yang terdiri dari 340 buah, masing-masing mempunyai bentuk yang tersendiri. Atas mengatasi keindahannya, seolah-olah hendak mengatasi keindahan istana-istana yang lainnya.

Pada masa itu dunia Islam terletak di bawah kekuasaan tiga kerajaan Islam yang besar: Kerajaan ‘Abbāsiyah berpusat di Baghdād, Fātimiyah di Afrika Utara dan Banī Umayyah di Semenanjung Sepanyol.

Di bawah pemerintahan Khalifah Banī Umayyah, ‘Abd al-Rahmān al-Nāṣir, inilah Cordoba didirikan dengan seindah-indahnya.

Tiap-tiap istana itu diberi nama yang tersendiri, seperti: Qiṣra al-Mubārak, Qiṣra al-Kāmil, Qiṣra al-Raudah, dan sebagainya.

Istana-istana itu mempunyai taman-taman bunga, dan kolam-kolam yang indah dan luas. Air kolam-kolam itu sengaja dialirkan dari gunung-ganang yang jauh di luar bandar. Sela¹



Suatu pemandangan dalam masjid Qurṭubah (Cordoba) yang masyhur itu menurut al-Ustādh

Sa ‘īd Ramadān, pengarang Majalah “al-Muslimūn”, Mesir, yang telah sempat melawatnya pada 27 Rejab 1370 (3 Mei 1951) bahawa masjid ini telah dijadikan gereja oleh orang Sepanyol.

¹ Kerosakan teks asal. Perkataan asal diandaikan ‘selain’.

daripada istana-istana ini, yang terletak di sebelah selatan Masjid

Di sebelah kiri mihrab terdapat sebuah bilik

Jāmi‘ Cordoba, maka ada pula yang didirikan di luar
bandar, bernama “Qiṣra al-Zahrā”.

khazanah, tempat menyimpan segala alat-alat perhiasan masjid
seperti kandil, piala, tongkat dan lain-lainnya, yang terbuat
daripada emas yang tidak ternilai harganya. Alat-alat itu
biasanya dikeluarkan dan digunakan pada tiap-tiap 27
Ramadhan.

Tidak berapa jauh dari istana-istana yang indah
itu, berdiri megah sebuah Masjid Jāmi‘ dengan
menaranya yang menjulang tinggi. Amatlah indahnya masjid
ini, tidak salah kalau ia menjadi kebanggaan
umat Islam seluruh dunia dari masa ke masa.

Minbarnya terbuat daripada bahan-bahan yang berharga.

Masjid Cordoba

Masjid Cordoba ialah sebuah masjid yang besar
sekali di Sepanyol, bahkan ia menjadi salah sebuah
masjid yang besar di dalam dunia Islam. Walau
pun tidak sebesar Masjid al-Ḥaram di Makkah tetapi
hurus tidak kurang dari Masjid Ibn Ṭūlūn
di Mesir. Dianggarkan kira-kira 80,000 orang boleh
sembahyang di dalamnya dengan saf-saf yang teratur di belakang
seorang imam.

8 orang tukang ukir Islam yang mahir telah bekerja
dengan mengambil masa 7 tahun baharu selesai.

Bahagian dalam dan mihrabnya berhias dengan
ukiran-ukiran dan tulisan Quran yang indah. Tiang-tiangnya
daripada batu marmar, berjumlah 1400 batang, (850
daripadanya masih baik hingga zaman kita ini). Kubah
masjid itu amat besar, terdiri di atas 300 batang
tiang.

Pada malam hari, masjid itu diterangi dengan
“kandil-kandil” yang bergantungan, 113 buah banyaknya. Di antaranya
ada sebuah kandil yang amat besar mempunyai 1000 buah
lampu. Manakala kandil-kandil yang kecil, sekurang-kurangnya
mempunyai 12 buah lampu. Apabila lampu-lampu itu dinyalakan
maka ruangan masjid yang luas itu seolah-olah dalam
pesta cahaya layaknya. Batu-batu permata yang bertaburan
menghiasi tembok, tiang dan langit-langitnya, gemerlap
laksana langit bertabur bintang.

Masjid Jāmi‘ ini mempunyai 20 buah
pintu gerbang, semuanya berlapis tembaga dan
berukir. “Bāb al-Minārah” ialah salah sebuah pintu
gerbang masjid itu yang indah, tingginya kira-kira 30
kaki dan lebarnya 24 kaki. Pada daun pintunya yang
dilapisi tembaga, dihiasi dengan tulisan arab
yang terjalin indah.

Menaranya berbentuk empat persegi dan terdiri
daripada lima tingkat. Tingginya kira-kira 270 kaki dan
lebarnya 36 kaki. Dari sinilah, pada tiap-tiap waktu
kedengaran suara bilal bergema memenuhi angkasa bandar
Cordoba. 16 orang bilal sedia bergilir-gilir
menjalankan tugasnya.

Tiga ratus orang ditetapkan menjaga dan
menjalankan urusan masjid itu pada tiap-tiap hari.
Mereka itu terdiri daripada pegawai-pegawai, imam-imam, qari-qari
Quran, bilal-bilal, dan noja-noja serta pengawal-pengawal
keselamatannya.